

01/09/2002

Waja daya penarik

SEBUAH kereta Proton Waja sumbangan MNI Insurance Berhad bakal dimenangi pemenang hole-in-one (pukulan selubang) di Kejohanan Golf Antara Staf Universiti-universiti Malaysia ke-30 yang diadakan serentak di Kelab Golf Kota Permai (KGKP) dan Kelab Golf Glenmarie (KGG) 2-3 September ini.

Pengerusi kejohanan, Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah berkata pihaknya turut menawarkan beberapa piala termasuk Piala Jubli Perak, Piala Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Piala Sultan Abdul Halim kepada peserta pertandingan.

"Piala Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jumlah gross individu 36 lubang manakala Piala Jubli Perak pula bagi kategori kontigen terbaik meliputi tiga pemain," katanya dalam sidang akhbar di Shah Alam.

Dr Ibrahim yang juga Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkata inilah kali pertama pihaknya menjadi tuan rumah sejak berstatus universiti.

"Kali terakhir UiTM menjadi tuan rumah ialah pada 1992 dan ketika itu, kami masih dipanggil Institut Teknologi Mara (ITM)," katanya.